

26/05/2003

Pembangkok akan guna isu pendidikan raih undi

BANGI: Pembangkang akan menggunakan isu pendidikan dengan meluas bagi meraih undi dalam kempen pilihan raya akan datang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

"Pendidikan meliputi satu bidang yang luas seperti pendidikan di sekolah, menengah, agama. Kerana pendidikan ini begitu luas sekali, sudah tentu dia (pembangkang) memainkan peranan untuk mendapatkan sokongan pengundi," katanya.

Ketika berucap menutup Konvensyen Pendidikan Umno Malaysia 2003 di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini semalam, Khalil berkata, anggota Umno perlu mempersiapkan diri untuk menjelaskan mengenai isu berkenaan.

Selain pendidikan, Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, beliau yakin PAS akan menggunakan isu lesen mesin slot yang diberi kepada pemaju kawasan peranginan Bukit Tinggi di Pahang walaupun kerajaan menyangkal dakwaan parti itu kononnya lesen itu adalah untuk kasino.

"Isu pendidikan sekarang ini jadi isu nombor dua pembangkang selepas isu kasino. Saya ada baca dalam akhbar Harakah, dua pertiga daripada isi kandungannya adalah berkaitan isu kasino," katanya.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan Pas kononnya kerajaan meluluskan lesen kasino kepada pemaju kawasan peranginan Bukit Tinggi, sebaliknya lesen yang diberikan itu adalah bagi mesin slot yang terhad untuk digunakan ahli kelab di situ.

Menjawab soalan pemberita mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa wakil rakyat yang tidak menjalankan tugas tidak akan dicalonkan semula, Khalil berkata, setiap wakil rakyat Umno akan menghantar laporan mengenai kegiatan di kawasan mereka kepada Majlis Tertinggi Umno.